

15 SEP 2000

Abdullah-Pas

PEMIMPIN PAS DIMINTA AKUI KESALAHAN MEREKA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pemimpin Pas mengakui kesilapan sendiri daripada menuding jari kepada Umno jika ada sesuatu isu itu dikaitkan dengan parti pembangkang itu.

"Sekali-sekala terimalah...yang salah, salahlah... mengaku sahajalah, itu cara terbaik dalam Islam," kata Timbalan Perdana Menteri selepas merasmikan Seminar Kebatinan Serantau di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kenyataan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Aziz Nik Mat kononnya pendedahan kandungan buku yang menghina Naib Muhammad adalah propaganda Umno.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, menyelar Pas kerana setiap kali isu dihubungkan dengan Pas ditimbulkan, pemimpin parti pembangkang itu akan menyalahkan Umno.

"Semuanya yang tak betul mengenai Pas dikatakan rekaan kita (Umno)," katanya.

Abdullah berkata buku bertajuk "Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru. Mengapa Pilih Parti Islam" boleh diperolehi ramai termasuk oleh anggota Umno kerana buku itu disebar merata tempat.

Nik Aziz sebelum ini menafikan buku itu ada kaitan dengan Pas dengan alasan bahawa tak mungkin pemimpin Umno membacanya dahulu daripada pemimpin Pas jika ia dikeluarkan oleh Pas seperti yang dinyatakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya ada kemungkinan buku itu diharamkan kerana bertentangan dengan Islam, Abdullah berkata perkara itu sedang dihalusi.

-- BERNAMA

ARA AHH MAI